

25 AUG 1998

Halim-Penyelewengan

KERAJAAN JALANKAN LANGKAH AWAL ELAK PENYELEWENGAN

KUALA LUMPUR, 25 Ogos (Bernama) -- Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali hari ini berkata kerajaan telah melaksanakan pelbagai usaha berterusan untuk mengelakkan masalah penyelewengan dan kelemahan pengurusan sebagai langkah awal sebelum ia berlaku.

Sehubungan itu, katanya, penerapan nilai-nilai murni ke dalam perkhidmatan awam seperti amalan bersih, cekap dan amanah yang telah diperkenalkan kerajaan digunakan untuk mengatasi masalah itu pada peringkat awal.

Menurutnya, kajian mendapati beberapa negara yang mencatatkan tahap penyelewengan yang tinggi dan mempunyai sistem pengurusan yang tidak cekap terpaksa menanggung kerugian hingga mencapai tahap 20 peratus itu.

"Walaupun kesan rasuah, penyelewengan dan kelemahan pengurusan kewangan di negara ini tidak sampai ke tahap itu, tetapi kita perlu ambil tindakan awal supaya ia tidak berlaku," katanya kepada pemberita selepas merasmikan bengkel Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP) di sini.

Penubuhan JKP pada awal tahun ini, yang berfungsi mengenal pasti masalah berkaitan penyelewengan dan kelemahan pengurusan di setiap jabatan, dijangka dapat mengatasi kelemahan sistem pengurusan perkhidmatan awam secara dalaman, menyeluruh, sistematik dan berterusan.

Januari lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengarahkan semua Menteri Besar, Ketua Menteri, Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua Perkhidmatan, Setiausaha Kerajaan Negeri dan ketua jabatan kerajaan menubuhkan JKP masing-masing untuk memantapkan keutuhan pentadbiran kerajaan.

Menurut Abdul Halim, sehingga hari ini semua 24 kementerian dan 13 buah kerajaan negeri telah memberikan maklumat balas bertulis mengenai penubuhan JKP di peringkat masing-masing.

Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia (Mampu) Datuk Dr Muhammad Rais Abdul Karim pula berkata setiap ketua jabatan perlu melaporkan sebarang penyalahgunaan kuasa dan kesalahan yang dilakukan kakitangannya sebagai sebahagian syarat pelaksanaan JKP itu.

"Kita mahu dapatkan maklumat balas mengenai pelaksanaan sistem ini bagi menentukan langkah yang perlu diambil untuk mengetatkan lagi proses pemantauan," kata Muhammad Rais yang juga ketua Urusetia Bersama Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan.

Bengkel sehari itu dihadiri oleh lebih 200 pegawai kanan agensi dan jabatan kerajaan.

-- BERNAMA

HJ NMO